



**SASBADI HOLDINGS BERHAD**

(1022660-T)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4,

Taman Sains Selangor 1,

Kota Damansara,

47810 Petaling Jaya,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tel: +603 6145 1188

Fax: +603 6145 1199

Website: [www.sasbadiholdings.com](http://www.sasbadiholdings.com)

Email: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)

## UNTUK PENYIARAN SERTA-MERTA

### PELAJAR SEKOLAH SWASTA DAN ANTARABANGSA BERSAING DALAM PERTANDINGAN ROBOTIK UNTUK MEWAKILI MALAYSIA DI *WORLD ROBOT OLYMPIAD* 2019, HUNGARY.

**KUALA LUMPUR, 28 September 2019** – Dengan pembangunan pelbagai teknologi disruptif seperti kecerdasan buatan dan automasi, banyak aktiviti yang dijalankan oleh pekerja hari ini berpotensi untuk diautomatikasikan. Hal ini mungkin akan mencetuskan kebimbangan besar terhadap masa depan tenaga kerja, tetapi pengasas bersama Apple, Steve Jobs pernah berkata, “Inovasi ialah keupayaan untuk melihat perubahan sebagai peluang, dan bukan ancaman.” Berdepan dengan trend teknologi yang kian membangun, banyak negara ekonomi maju telah mengambil langkah untuk menambah baik sistem tenaga kerja dan pendidikan.

Pertandingan Terbuka Robotik Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai *National Robotics Open Competition* (NROC) ialah satu platform pertandingan robotik yang dibuka kepada sekolah swasta dan antarabangsa di Malaysia. Pertandingan robotik ini dianjurkan oleh Sasbadi Holdings Berhad dan Kementerian Pendidikan Malaysia sejak tahun 2016 dan merupakan satu platform pembelajaran *hands-on* yang bertujuan untuk memupuk minat para pelajar dalam bidang-bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). **Tahun ini, lebih daripada 70 buah pasukan yang terdiri daripada 200 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang diadakan di Universiti UCSI, Kuala Lumpur.**

Tema tahun ini, **Smart Cities**, menggalakkan para pelajar untuk menyelidik dan memahami konsep Internet Benda atau *Internet of Things* (IoT) dan peranannya dalam operasi bandar pintar. Setiap pasukan dicabar untuk mereka cipta solusi robotik untuk menambah baik penjimatan tenaga, keselamatan trafik dan sistem pengangkutan awam.

Majlis penutupan pertandingan disempurnakan oleh **YBhg. Dr. Zurina binti Marzuki, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia** mewakili Datin Sri Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid, Pengarah Bahagian Pendidikan

Dianjurkan oleh :



Penaja lokasi :



Dikuasakan oleh :



**Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.** Beliau berkata, “Pembelajaran berasaskan masalah telah menjadi pusat kepada pertandingan ini. Saya difahamkan bahawa tema tahun ini, *Smart Cities* telah berjaya mencabar para pelajar untuk memahami konsep Internet Benda atau *Internet of Things* yang membolehkan alat-alat peranti untuk berhubung antara satu dengan yang lain dan menukar data. Dengan memahami konsep, mereka didedahkan kepada reka bentuk dan penyelesaian masalah dunia sebenar yang terkini dan bersesuaian untuk generasi mereka.”

Beliau bertambah, “Memandangkan Malaysia sedang membuat persediaan untuk menyahut cabaran yang akan dibawa oleh Revolusi Industri 4.0, saya yakin bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh sepanjang pertandingan ini dapat menyediakan para pelajar kita untuk masa depan.”

Setiap pasukan yang terdiri daripada dua atau tiga pelajar dengan seorang guru sebagai mentor akan bertanding dalam satu daripada tiga kategori: **Regular**, **WeDo Regular** atau **Green City**. Dalam kategori **Regular**, pelajar sekolah rendah (berumur 7 hingga 12 tahun) dicabar untuk mereka cipta dan memprogram sebuah teksi pandu sendiri; pelajar sekolah menengah rendah (berumur 13 hingga 15 tahun) pula berhadapan dengan cabaran berkaitan pencahayaan pintar. Bagi pelajar sekolah menengah atas (berumur 16 hingga 19 tahun), mereka perlu mereka cipta dan memprogram sebuah robot untuk memasang peranti nod wayarles. Setiap pasukan dinilai dari segi pratikal dan kreativiti mereka dalam penggunaan teknologi LEGO® MINDSTORMS® di atas litar permainan.

**WeDo Regular** dan **Green City** merupakan kategori baharu yang diperkenalkan dalam pertandingan tahun ini. Dalam kategori **WeDo Regular**, pelajar-pelajar yang berumur 7 hingga 9 tahun diperlukan untuk memprogram perjalanan bas sekolah pandu sendiri dengan *LEGO® Education WeDo 2.0*. Kategori **Green City** pula memerlukan pelajar berusia 10 hingga 14 tahun untuk memprogram sebuah robot autonomi yang berfungsi sebagai pengumpul sampah dan menguruskan sumber tenaga boleh diperbaharui.

Bersama-sama dengan pasukan pemenang Pertandingan Robotik Kebangsaan peringkat kebangsaan (dibuka untuk pasukan sekolah-sekolah awam) atau lebih dikenali *National Robotics Competition* (NRC) yang telah berlangsung pada 21 hingga 23 September, pemenang-pemenang NROC akan mewakili Malaysia di *World Robot Olympiad 2019* yang akan diadakan di Győr, Hungary dari 8 hingga 10 November. Pertandingan ini dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Sasbadi, lokasi ditaja oleh Universiti UCSI dan dikuasakan oleh LEGO® Education.

## TENTANG PENGANJUR – SASBADI HOLDINGS BERHAD

Sasbadi Holdings Berhad ialah sebuah syarikat penyedia solusi pendidikan yang telah tersenarai di Bursa Saham Malaysia sejak tahun 2014. Ditubuhkan pada tahun 1985, syarikat ini telah berkembang daripada penerbit buku dan bahan pendidikan yang berkualiti kepada penyedia solusi pendidikan terkemuka dengan menawarkan pelbagai produk melalui pelbagai medium. Produk-produk tersebut termasuklah bahan pendidikan akademik dan bukan akademik, produk digital yang berteknologi tinggi, alat pembelajaran dan produk perniagaan rangkaian pemasaran berbilang aras.

Kumpulan Sasbadi Holdings menjalankan operasi berdasarkan lima teras, iaitu Membangunkan Kandungan, Membangunkan Teknologi, Mengasah Kemahiran, Memperkayakan Kehidupan dan Membina Rangkaian. Menyedari kepentingan pembelajaran abad ke-21, Sasbadi telah menjuarai pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui program robotik untuk para pelajar dengan kerjasama dengan rakan-rakan strategi utama seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan LEGO Education. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.sasbadiholdings.com/>

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:*

**Joanne Tay**  
**Group Marketing & Communication Manager**  
**Sasbadi Holdings Berhad**  
Tel: 03-61451022 / 016-2101220  
E-mel: [joannetay@sasbadi.com](mailto:joannetay@sasbadi.com)

**Jason Kok**  
**Marketing & Communication Executive**  
**Sasbadi Holdings Berhad**  
Tel: 03-61451019 / 012-2115862  
E-mel: [jasonkok@sasbadi.com](mailto:jasonkok@sasbadi.com)



Dianjurkan oleh :

Penaja lokasi :

Dikuasakan oleh :